

Penggunaan Nas Hadith Dalam Kempen Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah

Dr. Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: +60134004153, E-Mail: yusry_affandy@usim.edu.my

Dr. Zulhimi bin Mohamed

Abstrak

Kajian ini berkaitan analisis penggunaan nas hadith dalam kempen zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Nas hadith telah diletakkan dalam risalah bertulis untuk sebaran masyarakat untuk memahami kewajipan zakat dalam Islam khususnya rakyat negeri Kedah. Kajian ini penting untuk memastikan nas zakat yang diatur LZNK terhindar daripada polimek pertikaian seperti isu nas yang salah, terjemahan dan tafsiran nas yang kurang tepat. Objektif kajian menasasarkan untuk menganalisis penggunaan nas hadith yang terdapat dalam bahan dakwah Lembaga Zakat Negeri Kedah, mengenalpasti keabsahan atau kelemahan dari segi metodologi pemaparan teks dan huraian hadith dan seterusnya mencadangkan aspek pemantapan. Kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan nas hadith berkaitan kewajipan zakat dalam bahan kempen. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan penggunaan nas hadith dalam aspek ketepatan dalil dan tatacara pengemukaan nas. Dapatan kajian menunjukkan Lembaga Zakat Negeri Kedah memiliki bahan dakwah zakat yang tersendiri seperti risalah, khutbah jumaat, *website* dan media sosial. Bahan paling utama yang mudah sampai dan dirujuk segenap lapisan masyarakat Kedah ialah menerusi bahan bercetak iaitu risalah *Panduan Zakat* (2021). Dalam menjalankan urusan dakwah, LZNK didapati tidak mengabaikan pengaplikasian nas hadith sebagai bahan dakwah terpenting. Keseluruhan dalil hadith adalah relevan, tepat dan sesuai. Aspek pemantapan terjemahan, tatacara rujukan hadith dan huraian *fuqaha'* dan *muhadithin* boleh diketengahkan lagi dalam bahan kempen dakwah.

Kata kunci: nas, hadith, kempen, zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah

Pengenalan

Dalam menerangkan kewajipan zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menerapkan nas hadith dalam bentuk risalah sebagai kempen zakat terhadap masyarakat. LZNK mempunyai bahan kempen dakwah zakat yang diletakkan di kaunter pejabat pusat dan cawangan di seluruh Kedah. Dalam tinjauan yang diadakan, pengkaji telah meneliti aspek kekuatan dan kekurangan yang berlaku dalam proses pengaplikasian nas hadith.

Terdapat banyak nas hadith yang menerangkan kewajipan zakat. Menyedari hakikat ini, LZNK telah meletakkan nas hadith sebagai dalil atau petunjuk utama di samping nas al-Quran untuk

disampaikan kepada masyarakat. Implikasinya masyarakat memahami bahawa zakat adalah daripada perintah Allah S.W.T. yang tertera dalam *al-Quran al-Karim* dan al-Sunnah. Antara kaedah masyarakat awam memahami nas ialah menerusi terjemahan ayat al-Quran dan hadith. Dalam hal ini, terjemahan yang tepat adalah diperlukan. Sebarang terjemahan daripada maksud andaian perlu dihindari sama sekali.

Keperluan utama dalam menyampaikan sesuatu hadith ialah menyampaikan teks hadith yang tepat sebagaimana yang tertera dalam kitab-kitab hadith muktabar yang sedia diterimapakai di kalangan *muhaddithin*. Kesilapan menyampaikan teks hadith seperti kalimah yang berubah, hilang kalimah atau cara penulisan yang berbeza boleh menghilangkan keaslian hadith yang berasal daripada Nabi SAW dan para sahabat RA.

Di samping itu, aspek yang perlu diteliti ialah rujukan status hadith dan sumber rujukan hadith. Pengabaian terhadap rujukan tersebut menyebabkan proses penyampaian nas nas hadith tidak sempurna kerana berlaku pertentangan rujukan asalnya. Dalam konteks institusi Islam berpengaruh seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah, rujukan sedemikian perlu disemak dan dipastikan keabsahannya.

Lazimnya dalam risalah kempen bercetak, penggunaan nas hadith diterapkan dalam bentuk terjemahan sahaja. Perkara ini dibenarkan dalam syarak dengan syarat memastikan rujukan yang tepat dan disertakan dengan ungkapan seperti “maksudnya” atau “ertinya.” Pendekatan ini untuk mengelak salahfaham atau persepsi bahawa sabda Rasulullah SAW adalah dalam bentuk Bahasa Melayu. Penambahan perlu dilakukan jika belum ada.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan nas hadith dalam sumber primer yang utama iaitu risalah bertajuk *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman* (t.t.) Risalah ini dinilai sebagai bahan kempen utama kerana disebar di kaunter rasmi setiap pejabat zakat seluruh negeri Kedah.

Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan penampilan nas hadith yang dilakukan pihak LZNK. Penghuraian akan menyentuh tentang keabsahan *matan* hadith, maksud, terjemahan dan seterusnya mengemukakan ulasan tambahan berbentuk cadangan syarah hadith. Rujukan utama yang digunapakai ialah:


- 1) *al-Sunan al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad Abd al-Qadir ‘Ata.
- 2) *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir.
- 3) *Sunan al-Daraqutni*. Tahqiq: Syu’aib al-Arnaut, Hasan Abd al-Mun’im Syalbi, Abd al-Latif.
- 4) *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Shirazi*. Tahqiq: Muhammad Najib al-Muti’i.

- 5) *Nihayah al-Muhtaj*, al-Ramly, Muhammad bin Ahmad bin Hamzah.
- 6) *Sunan al-Tirmizi*. Tahqiq: Basysyar 'Awwad Ma'ruf.
- 7) *Sunan Abi Daud*. Tahqiq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Masyhur bin Hasan Ali Salman.
- 8) *Sunan Abi Daud*. Tahqiq: Syu'aib al-Arnaut.
- 9) *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*. Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad al-'Asqalani.
- 10) *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Masyhur bin Hasan Ali Salman.
- 11) *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq: Syu'aib al-Arnaut, 'Adil Mursyid, Muhammad Kamil Qurrah, Abd al-Latif.
- 12) *Sahih Muslim*. Tahqiq: Nazar bin Muhammad al-Faryabi Abu Qutaibah. Riyadh: Dar Tayyibah.

Dapatan Kajian

Bahan kempen zakat LZNK yang utama ialah *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman* (t.t.) Bahan ini disediakan dalam bentuk risalah A4 dan buku kecil terbitan tahun 2021. Kedua-dua bahan dakwah ini mempunyai persamaan kandungan dan sedikit sahaja perbezaan kandungannya.






Jadual 1: Risalah Panduan Zakat Bersaiz A4 LZNK

Jadual 2: Buku Panduan Zakat LZ

Analisis Nas Hadith Daripada Sumber Bahan Kempen Zakat

Analisis 1



Kesesuaian nas: Hadith ini dalam tajuk sebahagian dalil zakat wang simpanan.

Rujukan hadith: Matan sebenar hadith boleh didapati dalam riwayat Imam Abu Daud di dalam *al-Sunan*, kitab *al-Zakah*, Bab *Fi Zakah al-Saimah*, no hadith 1573.

Terjemahan: Terjemahan yang dilakukan menepati nas dalam Bahasa Arab, cuma perlu ditambah pada terjemahan ayat yg terakhir iaitu “*tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun*” dengan tambahan seperti berikut: ...dalam riwayat yg lain terdapat penambahan lafaz: “*dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun*”


Kekurangan penerapan nas: Dicadangkan untuk ditambah status hadith ini seperti yg diputuskan oleh Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan cara penulisan hadith.

Status hadith ini adalah *hasan* berdasarkan pandangan Sheikh Syu'aib al-Arnaut dan *sahih* berdasarkan pandangan Sheikh al-Albani.

Dalam dokumen simpanan pihak LZNK dicadangkan perlu menyatakan justifikasi hadith umum ini dijadikan dalil bagi zakat wang simpanan. Ini kerana hadith hanya menyentuh keperluan zakat terhadap harta dalam tempoh setahun dan ia tidak dikhususkan kepada wang simpanan semata-mata.

Penggunaan hadith sebagai dalil kepada zakat wang simpanan tidak menjadi suatu permasalahan, cuma perlukan huraian yang lebih lanjut dalam simpanan dokumen supaya menjadi hujah jawapan terhadap penolak zakat wang simpanan.

Analisis 2



Kesesuaian nas: Nas adalah bersesuaian sebagai dalil zakat lembu atau kerbau.

Rujukan hadith: Matan sebenar hadith boleh didapati dalam riwayat Imam Abu Daud dalam *al-Sunan*, kitab *al-Zakah*, Bab *Fi Zakah al-Saimah*, no hadith 1576, juga oleh Imam al-Tirmizi dalam *al-Jami'*, Kitab *al-Zakah*, Bab *Ma Jaa Fi Zakah al-Baqar*, no hadith 623.

Imam Abu Daud dan Imam al-Tirmizi meriwayatkannya dengan penambahan lafaz. Hadith ini juga dirwayatkan oleh Imam Ibn Majah dalam *al-Sunan*, *Abwab al-Zakah*, Bab *Sadaqah al-Baqar*, no hadith 1803.

Status hadith ini mengikut Imam al-Tirmizi adalah *hasan*, dan ia adalah *sahih* mengikut pandangan Sheikh Syu'aib al-Arnaut dan Sheikh al-Albani.

Terjemahan: Terjemahan adalah bertepatan dengan lafaz hadith.

Kekurangan penerapan nas: Memerlukan penerangan bagi perkataan *tabi'* dan *musinnah*.

Analisis 3

201 - 399	3 ekor kambing biri-biri @ 3 ekor kambing	Jantan / Betina Jantan / Betina	1 Tahun 2 Tahun
Penambahan seterusnya : Setiap 100 ekor	1 ekor kambing biri-biri @ 1 ekor kambing	Jantan / Betina Jantan / Betina	2 Tahun

ZAKAT KAMBING / BIRI-BIRI

pada empat puluh ekor biri-biri dikenakan (zakat) seekor biri-biri..”

**Riwayat Ibnu Majah*

Kesesuaian nas: Nas ini adalah bersesuaian dalam hal zakat kambing.

Rujukan hadith: Matan sebenar hadith boleh didapati dalam riwayat Imam Ibn Majah dalam *al-Sunan, Abwab al-Zakah, Bab Sadaqah al-Ghanam*, no hadith 1807.

Turut diriwayatkan juga oleh Imam Abu Daud dalam *kitab al-Zakah, Bab Fi Zakah al-Saimah*, no hadith 1568, dan Imam al-Tirmizi dalam *al-Jami’, Kitab al-Zakah, Bab Ma Jaa Fi Zakah al-Ibil wa al-Ghanam*, no hadith 621.

Status hadith ini mengikut Imam al-Tirmizi adalah *hasan*, dan ia adalah *sahih* mengikut pandangan Sheikh Syu’aib al-Arnaut.

Terjemahan dan kekurangan penerapan nas: Terjemahan hadith adalah berkurangan jika dibandingkan dengan lafaz asal. Dicadangkan untuk diterjemahkan lafaz-lafaz awal hadith iaitu:

“Daripada Ibn ‘Umar RA daripada Nabi SAW bahawa dalam (hitungan) 40 ekor kambing maka diwajibkan zakat seekor kambing..” dan ditambah terjemahan sedia ada *“..sehingga sampai bilangan 120 ekor biri-biri.”*

Berkemungkinan hanya diletakkan sebahagian *matan* hadith dalam risalah kempen kerana ia hanyalah dalil kewujudan zakat bagi pembela kambing dan bukan pengiraan zakat biri-biri secara terperinci.

Analisis Nas Hadith Daripada Sumber Khutbah Jumaat

Analisis 1

Ketahuiilah, bulan Ramadhan adalah umpama madrasah yang mendidik jiwa manusia untuk menjadi hamba Allah Taala yang bertakwa. Antara sifat seorang mukmin yang bertakwa adalah qana'ah iaitu merasa cukup atas segala pemberian Allah dan bersyukur atas segala nikmat yang dikecapi. Maka, antara ibadah yang diwajibkan ke atas kaum muslimin di bulan Ramadhan ialah menunaikan zakat fitrah. Pensyariatan zakat fitrah ini merupakan satu bentuk pembersihan jiwa manusia daripada sifat bakhil, tamak haloba serta menginsafi akan keadaan golongan fakir miskin, di samping melahirkan seorang mukmin yang bersyukur.

Dalam satu hadis yang dinukilkan dalam Sunan Abu Daud dan diriwayatkan oleh Ibnu Abbas RA, beliau berkata :

زَكَاةُ الْفِطْرِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ : عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ
طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللُّغْوِ وَالرَّقَثِ، وَطَعْمَةً لِلْمَسْكِينِ، مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ
مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ.

“Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada dosa-dosa melakukan perkara lagha dan sia-sia serta memberi makan kepada orang-orang miskin”.

Kesesuaian nas: Nas ini bertepatan dengan dalil zakat fitrah. Huraian berkaitan dengan hadith adalah bertepatan.

Rujukan hadith: Matan sebenar hadith boleh didapati dalam riwayat Imam Abu Daud di dalam *al-Sunan, Kitab al-Zakah, Bab Zakah al-Fitr*, no. hadith 1609 dan Imam Ibn Majah dalam *al-Sunan, Abwab al-Zakah, Bab Sadaqah al-Fitr*, no hadith 1827.

Status hadith ini mengikut pandangan Sheikh Syu'aib al-Arnaut dan Sheikh al-Albani adalah *hasan*.

Terjemahan: Terjemahan umum hadith adalah bertepatan dengan nas.

Kekurangan penerapan nas: Tiada terjemahan secara keseluruhan. Selazimnya diterjemahkan: “Sesiapa yang menunaikannya (zakat tersebut) sebelum solat Hari Raya, maka ia dikira sebagai ibadah zakat, dan sesiapa yg menunaikannya selepas solat Hari Raya, maka ia dianggap sebagai sedekah (bukan bayaran zakat).”

Kekurangan penerapan nas: Matan yang diletakkan di dalam khutbah agak berterabur, kemungkinan akibat pertukaran ‘font’ dan sebagainya ketika proses ‘copy and past’.

Analisis 2

Imam Waqi' bin al-Jarrah iaitu guru kepada Imam as-Syafie' pernah memberikan suatu perumpamaan yang sangat cantik kepada peranan zakat fitrah kepada individu muslim. Beliau berkata :

زَكَاةُ الْفِطْرِ لِشَهْرِ رَمَضَانَ كَسَجْدَةِ السُّهُوِّ لِلصَّلَاةِ، يَجْبُرُ نُقْصَانَ الصَّوْمِ كَمَا يَجْبُرُ السُّجُودُ
نُقْصَانَ الصَّلَاةِ

"Zakat Fitrah (yang dilaksanakan) dalam bulan Ramadhan seperti sujud sahwi (yang dilaksanakan) dalam solat. Zakat Fitrah menampung kekurangan puasa sepertimana sujud sahwi menampung kekurangan solat."

Kemungkinan seorang yang berpuasa secara sedar atau tidak, melakukan perbuatan dosa-dosa kecil seperti percakapan yang lagha serta sia-sia. Maka, zakat fitrah difardhukan untuk membersihkan diri muslim daripada dosa-dosa kecil ini serta memperelokkan pahala puasanya.

Kesesuaian nas: Nas ini bukan nas hadith tetapi ia merupakan kata-kata ulama iaitu Imam Waqi' bin al-Jarrah. Kata-kata tersebut dan huraian berkaitan dengannya adalah amat sesuai dalam konteks kepentingan zakat fitrah.

Rujukan nas: Lafaz ini boleh didapati dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj* oleh Imam al-Ramli 3/110.

Terjemahan: Terjemahan adalah amat sesuai.

Kekurangan penerapan nas: Tiada. Dicadangkan dalam dokumen himpunan khutbah LZNK diletakkan sumber ambilan teks tersebut supaya mengelakkan tanggapan kata-kata ulama sebahagian daripada *hadith nabawi*.

Analisis 3

Untuk makluman tuan-tuan sekalian, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menetapkan kadar bayaran zakat fitrah yang diwajibkan kepada umat islam di Negeri Kedah bagi tahun 2018/1439 Hijriah adalah dengan kadar minimum RM7.00 seorang.

Penetapan tersebut adalah mengikut harga bagi satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kilogram beras sebagai makanan asasi kepada penduduk awam di Malaysia. Manakala, bagi golongan yang berkemampuan dan ingin melebihi zakat fitrahnya bolehlah membayar secara gandaan mengikut jenis beras yang dimakan seperti kadar berikut :

Pertama : Beras jenis Super Import iaitu RM14.00 seorang dan

Kedua : Beras jenis Basmathi iaitu RM21.00 seorang

Bayaran zakat melebihi RM 7.00 adalah sunat dengan tiada paksaan kepada pembayar.

Hal ini melihat kepada masalah keperluan fakir miskin dan mengambil kelebihan pahala yang berlipat ganda apabila kita melebihi bayaran zakat fitrah kita.

Sepertimana yang dijelaskan dalam hadis riwayat Imam Baihaki dan Daruqutni, daripada Ibnu Umar RA, sabda Nabi SAW :

وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَغْنَوْهُمْ فِي هَذَا الْيَوْمِ "

"Cukupkanlah keperluan mereka (golongan miskin) pada hari raya ini.."

Ayuhlah kita berlumba-lumba melakukan kebaikan, mudah-mudahan kita ditempatkan bersama golongan solihin di dalam syurga di akhirat kelak. Tunaikanlah zakat fitrah sebagai memenuhi tanggungjawab dan amanah kita kepada Allah SWT dan terhadap sesama manusia

Kesesuaian nas: Nas adalah bertepatan sebagai dalil zakat fitrah.

Rujukan hadith: *Matan* hadith seperti yang dinyatakan di dalam khutbah adalah daripada Riwayat Imam al-Daraqutni dalam *al-Sunan, Kitab Zakah al-Fitr*, no hadith 2133, dan diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi dalam *al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Zakah, Bab Waqt Ikhtaj Zakah al-Fitr*, no hadith 7814.

Status hadith ini mengikut pandangan Imam al-Nawawi di dalam *al-Majmu'* adalah *dha'if*, Imam Ibn Hajar di dalam *Bulugh al-Maram* juga menghukumkan sebagai *dha'if*.

Terjemahan: Terjemahan hadith adalah bertepatan.

Kekurangan penerapan nas: *Matan* yang diletakkan di dalam khutbah agak berterabur, kemungkinan akibat pertukaran 'font' dan sebagainya ketika proses 'copy and past'.

Sewajarnya jika hendak digunakan hadith ini, hendaklah ditulis bersama tentang status *dha'if*. Contohnya: "*Sepertimana yg dijelaskan dalam hadith riwayat Imam al-Baihaqi dan Imam al-Daraqutni yang dihukumkan sebagai dha'if, daripada Ibnu Umar RA..*"

Analisis 4

Antara ciri istimewa yang wujud pada zakat fitrah yang mana membezakannya dengan jenis-jenis zakat yang lain adalah ianya merupakan kewajipan yang dikenakan kepada seluruh umat Islam dengan syarat yang sangat minima. Ianya berbeza dengan zakat harta yang lain di mana syarat utama kepada zakat harta adalah dengan memiliki kekayaan dan harta yang diukur dengan kecukupan nisab. Adapun zakat fitrah hanyalah sekadar seseorang itu memiliki makanan dan pakaian asasi untuk malam hari raya dan paginya, sudah dikira sebagai orang yang layak dan wajib menunaikan kewajipan zakat fitrah. Dalam erti kata lain, umat Islam yang menunaikan zakat fitrah ini akan menjadi lebih ramai dan menyeluruh berbanding zakat-zakat harta yang lain.

Sabda Nabi S.A.W :

عن عبد الله بن عمر - رضي الله عنهما - : ((فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ، وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ)) رواه البخاري ومسلم .

Ertinya : Rasulullah Shallallahu `Alaihi wa Sallam mewajibkan zakat fitrah berupa satu sha' kurma atau gandum kepada kaum lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan orang dewasa,

orang yang merdeka, dan hamba dari kaum Muslimin dan ia memerintahkan agar zakat tersebut ditunaikan sebelum orang ramai berangkat menunaikan solat (aidil fitri).

Hadith di atas menjelaskan bahawa zakat fitrah merupakan sejenis zakat yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim tanpa mengira apa status mereka. Tidak kira samada dia lelaki mahupun perempuan, dewasa ataupun kanak-kanak, semuanya akan dikenakan kewajipan zakat fitrah.

Kesesuaian nas: Nas dan huraian adalah bertepatan.

Rujukan hadith: *Matan* hadith seperti yang disebutkan adalah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam *al-Sahih, Kitab al-Zakah, Bab Fard Sadaqah al-Fitr*, no hadith 1503 dan diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *al-Sahih, Kitab al-Zakah, Bab Zakah al-Fitr 'Ala al-Muslimin Min al-Tamr wa al-Sya'ir*, no. hadith 984 tanpa *matan* yang terakhir.

Terjemahan dan kekurangan penerapan nas: Terjemahan hadith perlu kepada penambahbaikan seperti cadangan berikut:

“Rasulullah SAW memfardukan zakat fitrah bernilai satu gantang kurma atau gandum ke atas individu hamba dan merdeka, lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan dewasa daripada kalangan kaum Muslimin. Baginda mengarahkan zakat itu dikeluarkan sebelum manusia keluar menunaikan solat Hari Raya.”

Matan hadith yang diletakkan di dalam khutbah agak berterabur, kemungkinan akibat pertukaran ‘font’ dan sebagainya ketika proses ‘copy and past’.

Analisis 5

Antara maqasid atau objektif lain kepada kewajipan zakat fitrah ini adalah sebagaimana sabda Nabi s.a.w :

عن ابن عباس - رضي الله عنهما - أنه قال: ((فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسْكِينِ)) رواه أبو داود وابن ماجه

Ertinya : Daripada Ibn 'Abbas RA berkata: “Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah, untuk membersihkan orang yang mengerjakan puasa daripada perkataan yang sia-sia dan perkataan yang buruk serta untuk menjadi makanan kepada orang-orang miskin.

Hadith tersebut jelas menyebutkan bahawa antara matlamat zakat fitrah ini adalah sebagai penyucian dan pembersihan kepada kesalahan dan kekurangan orang yang berpuasa. Secara insaf kita mengatakan bahawa puasa yang kita laksanakan terlalu banyak kekurangannya. Banyak sekali perkara-perkara lagha dan sia-sia yang kita laksanakan. Mulut dan mata kita yang tidak dijaga, samada di alam nyata dan lebih-lebih lagi melalui alam maya. Banyak sekali ketaksiran yang kita lakukan terutamanya melalui aplikasi whatsapp, facebook dan lain-lain.

Kesesuaian nas: Nas dan huraian berkaitan dengan hadith adalah bertepatan.

Rujukan hadith:

Matan sebenar hadith boleh didapati dalam riwayat Imam Abu Daud di dalam *al-Sunan, Kitab al-Zakah, Bab Zakah al-Fitr*, no. hadith 1609 dan Imam Ibn Majah dalam *al-Sunan, Abwab al-Zakah, Bab Sadaqah al-Fitr*, no hadith 1827.

Status hadith ini mengikut pandangan Sheikh Syu'aib al-Arnaut dan Sheikh al-Albani adalah *hasan*.

Terjemahan dan kekurangan penerapan nas: Terjemahan hadith adalah bertepatan dengan nas, tetapi sebahagian *matan* tidak dinyatakan dalam terjemahan. Berkemungkinan penulis melakukan pemotongan *matan* hadith dan ia dibolehkan jika tidak mengubah apa-apa makna.

Matan hadith yang diletakkan di dalam khutbah agak berterabur, kemungkinan akibat pertukaran ‘font’ dan sebagainya ketika proses ‘copy and past’.

Analisis 6

sebahagian dari kita. Justeru, kita amat berhajat kepada pengampunan Allah SWT dari atas segala ketaksiran dan kekurangan kita khususnya di bulan Ramadhan ini. Di samping itu kita sangat mengharap penampung bagi segala kekurangan yang kita lakukan itu. Justeru, di samping istighfar yang kita sebut, solat taubat yang kita laksanakan, zakat fitrah merupakan antara mekanisma untuk menutup dan menampung kekurangan yang kita lakukan di dalam bulan Ramadhan ini.

Berkata Imam Waqi’ bin Al-Jarrah Rahimahullah : “Zakat fitrah di dalam bulan Ramadhan adalah umpama sujud sahwi bagi solat, ianya akan menutupi kekurangan di dalam berpuasa seperti mana sujud sahwi menutupi kekurangan di dalam solat” (Nihayatul Muhtaj; 2/108)

Namun perlu diingat, jika kesalahan kita berkaitan dengan hak sesama manusia, kita tetap wajib memohon ampun serta mengembalikan hak dan meminta redha dari orang berkenaan dahulu barulah kita akan mendapat pengampunan dari Allah s.w.t.

Kesesuaian nas: Nas ini bukan nas hadith tetapi ia merupakan kata-kata ulama iaitu Imam Waqi’ bin al-Jarrah. Kata-kata tersebut dan huraian berkaitan dengannya adalah amat sesuai dalam konteks kepentingan zakat fitrah.

Rujukan nas: Lafaz ini boleh didapati dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj* oleh Imam al-Ramli 3/110.

Terjemahan: Terjemahan dan huraian berkaitan dengannya adalah amat sesuai.

Kekurangan penerapan nas: Tiada. Dicadangkan dalam dokumen himpunan khutbah LZNK diletakkan sumber ambilan teks tersebut supaya mengelakkan tanggapan kata-kata ulama sebahagian daripada *hadith nabawi*.

Cadangan Umum Penggunaan Hadis dan Athar Berkaitan Zakat

Terdapat perbezaan antara kaedah penulisan hadith yang digunakan di dalam risalah kempen atau poster dengan hadith yang digunakan di dalam Khutbah Jumaat. Walau bagaimana pun untuk dokumentasi dan aspek kekurangan yang ketara perlu disempurnakan ke arah memelihara keaslian hadith dan disiplinnya.

Setiap hadith yang digunakan hendaklah sebaik-baiknya:

- a. Dinyatakan nas atau *matan* di dalam Bahasa Arab.
- b. Dinyatakan sumber ambilan hadith tersebut.
- c. Dinyatakan status hadith.
- d. Dinyatakan nama Sahabat RA yg meriwayatkan hadith.

- e. Semua ini merujuk kepada *Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith* yang diterbitkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Garis panduan penulisan daripada sumber tersebut boleh dijadikan sebagai antara panduan dalam penulisan LZNK. Panduan tersebut ialah *Garis Panduan Penerbitan Buku Asas Pembelajaran Bacaan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri* boleh diakses di laman sesawang <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/2012-08-15-01-17-27/kawalan-teks-al-quran>.
- f. Terjemahan disemak dengan teliti berpandukan kitab syarah hadith atau *gharib al-hadith* atau *al-mu'jam* dan sebagainya.

Dalam konteks hadith yang digunakan di dalam risalah kempen yang bersifat ringkas dan padat:

- i. Boleh sekadar digunakan terjemahan.
- ii. Hendaklah dinyatakan status hadith secara ringkas seperti contoh: hadith *sahih* riwayat Abu Daud di dalam *al-Sunan*.
- iii. boleh dikemukakan secara dalam helaian yang lain (dokumen lain untuk simpanan).
- iv. Atau dijelaskan secara ringkas bagi hadith tertentu bagi mengelak kemusykilan di kalangan pembaca awam.

Hadith atau *athar* yang digunakan di dalam khutbah seharusnya lebih terperinci dengan perkara berikut:

- i. menyatakan *matan* hadith di dalam Bahasa Arab
- ii. sumber ambilan yang lengkap di dalam kitab, bab dan sebagainya
- iii. nama sahabat RA selaku periwayat utama
- iv. status hadith
- v. terjemahan yang disemak dengan teliti.

Setiap terjemahan hadith digalakkan dimasukkan terlebih dahulu perkataan "*maksudnya*" atau "*ertinya*". Ini untuk mengelak zahir ayat seakan-akan telah disabdakan Rasulullah SAW dalam Bahasa Melayu. Tambahan pula, terjemahan kadang kala dimasukkan kalimah- kalimah tambahan sebagai penerangan dan bukan mewakili terjemahan perkata hadith.

Insiatif memasukkan perkataan "*maksudnya*" atau "*ertinya*" menjadi insiatif *ihtiyat* (kewaspadaan) dalam menterjemahkan teks hadith. Terdapat hadith yang dapat dijadikan pedoman iaitu hadith riwayat Ibn 'Abbas R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

Maksudnya: *Barangsiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja maka siaplah tempatnya di dalam neraka.*"

(Hadith riwayat 'Abd-Allah bin 'Amr, *Sahih al-Bukhari*, no.110)

Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: "Sesiapa yang menyampaikan daripadaku sesuatu hadith yang pada sangkaannya adalah dusta maka dia adalah termasuk dalam kalangan pendusta."

(Hadith riwayat al-Mughirah bin Syu'bah, *Muqaddimah Sahih Muslim 1/9, Musnad al-Imam*

Ahmad no.18240, Sunan Ibn Majah no. 41 dan Sunan al-Tirmizi no.2662)

Sebagai langkah pemantapan risalah kempen zakat di masa hadapan, beberapa tafsiran dan keterangan fuqaha' dan muhaddithin boleh dimasukkan sebagai fakta tambahan (sila rujuk bahagian analisis). Seandainya pendekatan risalah ringkas lebih relevan, rujukan sumber tafsiran dan keterangan fuqaha' dan mufassir perlu didokumenkan sebagai bahan rujukan dalaman.

Penutup

Lembaga Zakat Negeri Kedah memiliki bahan dakwah zakat yang tersendiri seperti risalah, khutbah jumaat, *website* dan media sosial. Bahan paling utama yang mudah sampai dan dirujuk segenap lapisan masyarakat Kedah ialah menerusi bahan bercetak iaitu risalah Panduan Zakat (2021). Di samping, kempen dakwah zakat juga berjaya dimanfaatkan menerusi wacana khutbah Jumaat.

Dalam menjalankan urusan dakwah, LZNK didapati tidak mengabaikan pengaplikasian nas hadith sebagai bahan dakwah terpenting. Ini menunjukkan kesungguhan LZNK dalam merealisasikan tuntutan wahyu. Nas hadith telah didedahkan dan disebarkan dalam risalah untuk memahamkan masyarakat bahawa kewajipan zakat mempunyai asas perintahnya. Ia menjadi sebahagian daripada kewajipan agama yang amat penting.

Pengaplikasian nas hadith telah berjaya diketengahkan dengan baik. Namun usaha penambahbaikan boleh dilakukan ke arah memartabatkan lagi keberadaan wahyu. Tiada dalil yang tidak bersesuaian dimasukkan bahkan relevan, tepat dan sesuai. Aspek pemantapan terjemahan, tatacara rujukan hadith dan huraian *fuqaha'* dan *muhaddithin* boleh diketengahkan lagi dalam bahan kempen dakwah. Justeru, dengan usaha bersama penyempurnaan bahan nas hadith boleh menjadi ikutan kepada institusi Islam yang lain. Bahan sedia ada amat memuaskan dan sentiasa ditambah baik sesuai dengan keilmuan dan kesedaran semasa.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali al-Khurasani. (2003). "al-Sunan al-Kubra". Tahqiq: Muhammad Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Muhammad bin 'Ismail. (2001). "Sahih al-Bukhari". Tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir. Beirut: Dar Tuq al-Najah.

Al-Daraqutni, 'Ali bin 'Umar al-Baghdadi. (2004). "Sunan al-Daraqutni". Tahqiq: Syu'aib al-Arnaut, Hasan Abd al-Mun'im Syalbi, Abd al-Latif. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, Abu Zakaria. (2001). "Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Shirazi". Tahqiq: Muhammad Najib al-Muti'i, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Al-Ramly, Muhammad bin Ahmad bin Hamzah, Syams al-Din. (1984). "Nihayah al-Muhtaj". Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah. (1998). "Sunan al-Tirmizi". Tahqiq: Basysyar 'Awwad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Abdullah Basmeih dan Muhammad Nur bin Haji Ibrahim. (1990). "Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an: 30 Juz". Cetakan ke-6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'as al-Sijistani. (1988). "Sunan Abi Daud". Tahqiq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Masyhur bin Hasan Ali Salman. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'as al-Sijistani. (2009). "Sunan Abi Daud". Tahqiq: Syu'aib al-Arnaut, Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Bahagian Dakwah dan Penyelidikan. (2019). "Koleksi Khutbah Jumaat Berkaitan Zakat". Alor Setar: Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad al-'Asqalani. (2003). "Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam". Riyadh: Dar al-Falaq.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. (1997). "Sunan Ibn Majah". Tahqiq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Masyhur bin Hasan Ali Salman. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. (2009). "Sunan Ibn Majah". Tahqiq: Syu'aib al-Arnaut, 'Adil Mursyid, Muhammad Kamil Qurrah, Abd al-Latif. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi al-Qusyairi. (2006). "Sahih Muslim". Tahqiq: Nazar bin Muhammad al-Faryabi Abu Qutaibah. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. "Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah". (2021). Alor Setar: Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Kriteria Halal Dan Haram Makanan Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*

Nurul Saadah binti Mohammad Zaini (Pengarang Penghubung)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 0133422995 E-Mail: saadahzaini98@gmail.com

Robiatul Adawiyah Mohd

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 0133422995 E-Mail: adawiyah@usim.edu.my

Abstrak

Makanan merupakan sumber nutrien utama bagi manusia. Pelbagai sumber makanan dijelaskan dalam al-Quran khususnya dalam menentukan halal haram sesuatu makanan. Namun, dengan kepesatan teknologi dan industri pemakanan masa kini menyebabkan status sesuatu makanan diragui seperti isu penggunaan makanan sintetik dan bermacam-macam lagi. Perkara ini membahayakan kesihatan individu dan mengelirukan masyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kriteria halal dan haram dalam al-Quran berdasarkan *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* yang menjelaskan kriteria halal dan haram makanan seterusnya menyingkap hikmah di sebalik kriteria tersebut. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua kriteria dalam menjelaskan ciri-ciri halal dan haram makanan berdasarkan pentafsiran *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* iaitu kriteria dalam aspek kebersihan dan kriteria dalam aspek hak pemilikan. Kriteria dalam aspek kebersihan bertujuan untuk menghindarkan pemakan daripada kemudaratan khususnya dari sudut kesihatan dan kriteria dalam aspek hak pemilikan bertujuan untuk menghalang daripada berlakunya kezaliman ke atas hak orang lain. Kajian ini penting dalam memberi penerangan kepada masyarakat tentang panduan pemakanan berdasarkan al-Quran di samping mendedahkan hikmah di sebalik sesuatu pensyariatian ditetapkan.

Kata kunci: Al-Quran, halal, haram, kriteria, makanan, *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*

Pendahuluan

Makanan berfungsi sebagai sumber tenaga untuk membina dan menjaga sel-sel badan, mengatur proses dan sistem dalam tubuh, serta menyediakan tenaga yang diperlukan oleh manusia. Tujuan pengambilan makanan adalah untuk menjaga kehidupan dan memastikan kelestariannya. Tubuh yang sihat digunakan untuk mematuhi segala perintah Allah dan menghindari segala larangannya³³⁶. Namun, perkembangan pesat dalam teknologi dan industri makanan pada masa kini telah menimbulkan beberapa isu yang menyebabkan keraguan

³³⁶ Norkumala Awang. (2015). "Makanan & Pemakanan Menurut Perspektif Sains dan Islam". Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. 99.

terhadap status sesuatu jenis makanan. Maka, antara cabaran yang dihadapi oleh umat Islam adalah bagi menentukan makanan yang diambil adalah menepati tuntutan hukum syara'³³⁷.

Pemilihan makanan yang baik amat penting dalam memastikan sesuatu makanan itu mendatangkan manfaat dan mengelakkan diri daripada kemudaratan. Dalam perundangan Islam, al-Quran menjadi salah satu sumber utama dalam penentuan hukum termasuk penentuan status halal dan haram sesuatu makanan. Selain itu, al-Quran juga menjadi penawar kepada pelbagai penyakit. Firman Allah SWT:

﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ...﴾

“Dan Kami turunkan dari al-Quran (sesuatu) yang menjadi penawar...” (Surah Al-Isra’: 82)

Sayyid Qutub mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa dalam al-Quran, terdapat garis panduan sebuah sistem hidup yang sihat untuk kecerdasan akal agar akal dapat berfikir untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan tidak membawa kepada kemudaratan³³⁸.


Al-Quran telah menyebut secara jelas ciri-ciri makanan yang dibenarkan dan dilarang dalam ayat-ayat tertentu yang berkaitan dengan pemakanan. Sehubungan dengan itu, ulama’ tafsir telah melakukan pentafsiran ke atas ayat-ayat tersebut untuk mengenalpasti kriteria makanan halal dan haram. *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* ialah antara kitab tafsir yang masyhur dalam ilmu pentafsiran al-Quran karya Imam Fakhr Al-Din Al-Razi. Dalam pentafsiran Imam Al-Razi beliau menjelaskan kriteria-kriteria yang digunakan dalam menentukan status halal dan haram sesuatu makanan. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengenalpasti kriteria-kriteria yang digunakan dalam menentukan status halal dan haram sesuatu makanan berdasarkan *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*.

Makanan Halal dan Haram dalam Islam

Secara asasnya, semua pemberian daripada Allah SWT dikategorikan sebagai rezeki. Namun, sebahagian daripada pemberian ini dibenarkan untuk dimakan dan sebahagian kecil daripada itu diharamkan untuk dimakan.

³³⁷ Nursyakirah Hazban, Zaini Nasohah. (2023). “Penguatkuasaan Undang-undang Status Halal Premis Makanan di Malaysia”. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 8(2).

³³⁸ Sayyid Qutub. 1991. “*Fī Zīlāl al-Quran*”. Beirut: Dar al-Syuruq. Juz 4. ms 2248.



Rajah 1: Rezeki Allah SWT dalam al-Quran


Makanan yang halal merujuk kepada jenis makanan atau produk yang sah untuk dimakan oleh individu Muslim. Pada umumnya, makanan yang dianggap halal haruslah dengan jelas dinyatakan dalam al-Quran dan hadis. Manakala makanan yang haram adalah segala sesuatu yang dilarang dalam al-Quran dan hadis³³⁹. Hasil analisis keatas ayat-ayat makanan dalam al-Quran, penulis mendapati bahawa Allah SWT menyebut ciri-ciri makanan yang haram lebih terperinci berbanding makanan yang halal kerana menurut Al-Zuhaili jumlah makanan yang haram lebih sedikit berbanding makanan yang halal dimakan³⁴⁰. Al-Razi pula menyatakan bahawa hikmah Allah meletakkan limitasi dalam pengambilan makanan adalah untuk mengelakkan manusia makan berlebih-lebihan sehingga membawa kepada kemudaratan³⁴¹.

Berdasarkan pentafsiran Al-Razi terhadap ayat-ayat makanan, terdapat tiga ciri-ciri umum makanan yang halal iaitu makanan yang baik, makanan yang lazat, dan makanan hasil sembelihan dengan nama Allah. Makanan yang halal diklasifikasikan sebagai makanan yang baik. Menurut Al-Razi dalam tafsirnya, makanan yang baik ialah makanan yang halal, suci dan menguatkan. Makanan yang halal bermaksud makanan yang dibenarkan oleh Allah SWT. Makanan yang suci bermaksud makanan yang tidak membawa kepada kelalaian dalam beribadah kepada Allah. Makanan yang menguatkan ialah makanan yang melindungi fizikal dan mental. Makanan yang baik menurut syara' perlulah mengandungi ketiga-tiga ciri ini. Al-Razi menjelaskan lagi, makanan yang halal ialah makanan yang lazat iaitu makanan yang menarik minat seseorang untuk makan secara berulang-ulang. Seterusnya, makanan yang halal ialah memakan hasil sembelihan yang disembelih dengan nama Allah.

³³⁹ Setiyawan Gunardi, Mohd Soberi Awang, Mohd Mahyeddin, Mustafa Afifi. (2021). "Panduan Makanan dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah dan Perundangan Malaysia". Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia. pp. 289-304.

³⁴⁰ Al-Zuhaili. 1998. "*Al-Tafsīr Al-Munīr Fi al-A'qīdah wa al-Syaria'h wa al-Manhāj*". Damsyiq: Dar al-Fikr al-Maa'sir. Juz 2. ms 78.

³⁴¹ Al-Razi. (1991). "*Tafsīr Mafātīhul Ghayb*". Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi. Juz 5. ms 190.



Rajah 2: Makanan Yang Halal

Bagi makanan yang haram, Allah menyebut secara jelas dalam al-Quran. Terdapat 4 jenis makanan khusus yang diharamkan oleh Allah SWT iaitu bangkai, darah yang mengalir, daging khinzir, dan hasil sembelihan selain dengan nama Allah. Haiwan yang mati tanpa disembelih diklasifikasikan sebagai bangkai iaitu haiwan yang mati tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, yang diterkam binatang buas kecuali yang sempat disembelih sepertimana firman Allah SWT:

﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالِدَّمَ وَحَلْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ...﴾

“Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, dan daging haiwan yang dimbelih bukan atas nama Allah, yang tercekik yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih...” (Surah Al-Maidah: 3).


Selain itu, makanan yang diambil daripada hak orang lain juga diklasifikasikan sebagai makanan yang haram. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَلَا تَطْغَوْا فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِي وَمَنْ يَحِلِّلْ عَلَيْهِ غَضَبِي فَقَدْ هَوَى﴾

“Makanlah dari rezeki yang baik-baik yang telah kami berikan kepadamu, dan janganlah melampaui batas, yang menyebabkan kemurkaan-Ku menimpamu. Barangsiapa ditimpa kemurkaan-Ku, maka sungguh, binasalah dia.” (Surah Taha: 81)

Al-Razi menukilkan pendapat Ibnu Abbas dalam mendefinisikan perkataan ‘لا تطغوا’. Secara literal, perkataan ini bermaksud dilarang berlebih-lebihan. Ibnu Abbas menjelaskan perkataan

ini bermaksud larangan berlebih-lebihan sehingga mengambil hak orang lain³⁴². Maka, sesuatu makanan itu dianggap haram jika diperoleh dengan cara menzalimi hak orang lain.



Rajah 3: Makanan yang haram

Penjelasan tentang makanan yang halal dan haram berdasarkan al-Quran ini menunjukkan Allah SWT menyebut ciri-ciri makanan yang haram lebih terperinci berbanding ciri-ciri makanan yang halal kerana jumlah makanan yang haram dimakan adalah sedikit berbanding makanan yang halal dimakan.

Penentuan Kriteria Makanan Halal dan Haram Berdasarkan *Tafsīr Mafātihul Ghayb*

Al-Razi menjelaskan tentang kriteria makanan halal dan haram dalam pentafsiran keatas surah al-Baqarah ayat 168:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ﴾

“Wahai manusia! Makanlah dari (makanan) yang halal dan baik yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti Langkah-langkah syaitan. Sungguh syaitan itu musuh yang nyata bagimu”. (Surah Al-Baqarah: 168)

Al-Razi mentafsirkan pada ayat ini bahawa sesuatu makanan itu dinilai sebagai haram jika sesuatu makanan itu kotor seperti bangkai atau makanan tersebut dimiliki dengan cara mengambil hak orang lain. Selain daripada makanan yang kotor dan makanan yang diperoleh dengan mengambil hak orang lain dinilai sebagai makanan halal³⁴³. Berdasarkan penjelasan ini, penulis menyimpulkan bahawa ciri-ciri makanan halal dan haram dapat diklasifikasikan kepada dua kriteria iaitu kriteria kebersihan dan kriteria hak pemilikan.

1) Kriteria Kebersihan

³⁴² Al-Razi. (1991). “*Tafsīr Mafātihul Ghayb*”. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-A’rabi. Juz 22. ms 83.

³⁴³ Al-Razi. (1991). “*Tafsīr Mafātihul Ghayb*”. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-A’rabi. Juz 5. ms 185.

Status sesuatu makanan ditentukan berdasarkan kebersihan makanan tersebut. Makanan-makanan yang diharamkan dalam al-Quran dikategorikan sebagai makanan yang kotor dan membawa kepada kemudaratan. Makanan yang diharamkan atas sebab kriteria kebersihan ialah bangkai, darah yang mengalir, daging khinzir dan haiwan yang disembelih selain dengan nama Allah.

Bangkai dikategorikan sebagai perkara yang kotor. Bangkai yang diharamkan ialah bangkai haiwan selain haiwaan laut. Al-Razi berpendapat bahawa pengharaman bangkai sebagai sumber makanan adalah bersesuaian dengan kehendak akal yang sihat. Al-Razi menyatakan bahawa darah dalam haiwan ialah zat yang halus dan jika haiwan mati secara semulajadi (bukan melalui sembelihan yang ditetapkan dalam Islam), darah tersebut akan membeku dalam urat dan merosakkan haiwan tersebut. Hal ini akan membawa kemudaratan kepada sesiapa yang mengambilnya sebagai sumber makanan³⁴⁴. Haiwan yang ingin dijadikan makanan perlu melalui proses penyembelihan yang digariskan oleh syariat Islam agar kesucian haiwan yang disembelih dapat dipelihara.

Selain itu, umat Islam diharamkan memakan darah yang mengalir. Al-Razi menjelaskan bahawa pengharaman ini disebabkan kelakuan orang zaman jahiliyah yang gemar memenuhkan perut mereka dengan darah. Kemudian mereka membakar darah tersebut dan menghidangkannya kepada tetamu³⁴⁵. Darah ialah bahan buangan yang perlu dilupuskan mengikut prosedur tertentu. Pada masa kini, plasma darah diekstrak daripada bahan buangan tersebut untuk dijadikan nilai tambah dalam produk makanan moden. Walaupun ada pendapat yang menghalalkan penggunaan plasma darah, tetapi pendapat dalam mazhab syafie mengharamkannya³⁴⁶. Dalam buku penyelidikan terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga menyimpulkan bahawa penggunaan plasma darah dalam produk-produk makanan di Malaysia adalah diharamkan kerana sebab-sebab berikut³⁴⁷:

- 1) Tidak berlaku *istihālah* dalam proses penghasilan plasma darah kerana ia masih boleh dikesan pada produk akhir.
- 2) Menutup jalan bagi industri khinzir supaya tidak berkembang dalam menghasilkan plasma untuk kegunaan produk makanan.
- 3) Kemudaratan akibat pengambilan plasma darah adalah lebih besar berbanding kebaikannya.

Umat Islam juga dilarang memakan daging khinzir. Al-Razi menyatakan bahawa terdapat sifat yang tidak baik pada khinzir. Secara semulajadi, khinzir merupakan haiwan yang dikendalikan oleh nafsu dan mempunyai nafsu makan yang besar di samping memiliki ciri-ciri yang perlu

³⁴⁴ Al-Razi. (1991). "*Tafsīr Mafātihul Ghayb*". Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi. Juz 11. ms 283.

³⁴⁵ Ibid

³⁴⁶ Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nur Asmadayana Hasim, Rizafizah Othaman, Mohammad Zaini Yahaya, Rozita Khalid, Muhammad Adib Samsudin & Diani Mardiana Mat Zin. (2017). "Plasma Darah dalam Makanan daripada Perspektif Islam dan Sains". *Sains Malaysiana*. 46(10)(2017). ms. 1779-1787

³⁴⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2022). "Penentuan Hukum Plasma Darah dalam Makanan Menurut Perspektif Islam". Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. ms 75.

dihindari manusia. Maka, Al-Razi menjelaskan ini sebagai salah satu hikmah pengharaman khinzir dalam makanan untuk mengelakkan perkembangan sifat yang tidak diinginkan yang serupa dengan khinzir³⁴⁸.

Di samping itu, umat Islam diharamkan memakan haiwan yang disembelih selain dengan nama Allah atas faktor kebersihan. Selain daripada proses penyembelihan yang tidak menepati syariat Islam, Al-Razi menjelaskan bahawa penyembelihan selain dengan nama Allah juga membawa kepada syirik iaitu menyekutukan Allah SWT. Tindakan ini membawa kepada kekotoran ruhiyyah yang mengotori akidah manusia³⁴⁹

Pengharaman dari sudut kebersihan ini menunjukkan kepentingan menjaga kebersihan dalam melakukan proses penyediaan makanan kerana proses penyediaan tersebut mempengaruhi status halal dan haram sesuatu makanan.

2) Kriteria Hak Pemilikan

Al-Razi menjelaskan, selain daripada kriteria kebersihan, kriteria hak pemilikan juga mempengaruhi status halal dan haram sesuatu makanan berasaskan perspektif Islam³⁵⁰. Syariat Islam bukan sahaja menjaga hak seorang individu, tetapi juga memelihara hubungan dalam masyarakat agar tiada individu yang ditindas atau dizalimi. Oleh itu, Islam menggariskan bahawa makanan yang halal bukan sahaja makanan yang bersih, tetapi perlu diperoleh dengan cara yang baik dan tidak menzalimi orang lain. Sesuatu makanan yang bersih daripada sebarang kotoran masih dianggap makanan yang haram jika makanan tersebut dimiliki dan diperoleh dengan cara yang tidak baik seperti mencuri dan mengambil hak orang lain secara zalim. Larangan mengambil hak orang lain ini juga jelas disebutkan dalam firman Allah SWT:

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ...)

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu...”. (Surah Al-Nisa’: 29)

Pengharaman dari sudut hak pemilikan menunjukkan kepentingan mengetahui sumber sesuatu makanan. Makanan yang diperoleh perlulah daripada sumber yang diyakini dan tidak diragui hak pemilikannya dan tidak menzalimi orang lain.

Kesimpulan

Al-Quran menjadi sumber perundangan utama dalam penentuan sesuatu hukum. Al-Quran menyatakan ciri-ciri makanan halal secara umum dan mengkhususkan perincian ciri-ciri makanan yang haram. Ini menunjukkan bahawa rezeki Allah SWT dalam makanan halal lebih

³⁴⁸ Al-Razi. (1991). *“Tafsīr Mafātihul Ghayb”*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-A’rabi. Juz 11. ms 283.

³⁴⁹ Abdul Basith Muhammad As-Sayyid. (2019) *“Makan Ibadah Sihat”*. Selangor: Al-Hidayah Publication. ms 215.

³⁵⁰ Al-Razi. (1991). *“Tafsīr Mafātihul Ghayb”*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-A’rabi. Juz 5. ms 185.

luas berbanding makanan yang haram. Al-Razi ialah salah seorang ulama' tafsir yang menjelaskan kriteria makanan halal dan haram sesuatu makanan dalam tafsirnya. Beliau mengklasifikasikan ciri-ciri makanan halal dan haram kepada dua kriteria iaitu kriteria kebersihan dan hak pemilikan. Status halal dan haram sesuatu makanan ditentukan dalam pelbagai proses bermula bagaimana sesuatu makanan itu diperoleh seterusnya proses pengendalian makanan tersebut. Sesuatu makanan itu perlu diperoleh dengan cara yang baik tanpa menzalimi hak orang lain dan pengendalian makanan perlulah bersih iaitu menepati syariat islam yang telah digariskan. Hikmah penentuan halal dan haram sesuatu makanan menyentuh pelbagai aspek dari sudut kesihatan fizikal, kesihatan mental dan hubungan sesama manusia. Ini menunjukkan Islam sebagai suatu agama yang syumul dan adil dalam pelaksanaan syariat undang-undang sama ada untuk kehidupan dunia atau akhirat.

Penghargaan

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS- FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/5 - Pendekatan Baharu Dalam Penjagaan Kesihatan Berasaskan Nutrigenomik Menurut Perspektif Quran, Sunnah Dan Manuskrip Perubatan.

Rujukan

Al-Quran

Abdul Basith Muhammad As-Sayyid. (2019). *Makan Ibadah Sihat*. Selangor: Al-Hidayah Publication.

Al-Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar. (1991). *Tafsir Mafatihul Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1998). *Al-Tafsir Al-Munir Fi al-A'qidah wa al-Syaria'h wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-Maa'sir.

Awang, N. (2015). *Makanan & Pemakanan Menurut Perspektif Sains dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

Gunardi, S., Awang, M., Mohd Mahyeddin, & Mustafa Afifi. (2021). Panduan Makanan dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah dan Perundangan Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021* (pp. 289-304). Negeri Sembilan: Universiti sains Islam Malaysia.

Hazban, N., & Nasohah, Z. (2023). Penguatkuasaan Undang-Undang Status Halal Premis Makanan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia . (2022). *Penentuan Hukum Plasma Darah dalam Makanan Menurut Perspektif Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Kashim, M. I., Hasim, N., Othman, R., Yahaya, M., Khalid, R., Samsudin, M., & Mat Zin, D. (2017). Plasma Darah dalam Makanan daripada Perspektif Islam dan Sains. *Sains Malaysiana*, 1779-1787.

Sayyid Qutub, Ibrahim Hussain Al-Syaribi. (1991). *Fī Zilāl al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.